



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

MAJLIS MADANI MUHIBAH ERATKAN PERPADUAN DAN KEHARMONIAN MASYARAKAT BERBILANG KAUM

PUTRAJAYA, 20 Februari 2024 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan Majlis MADANI Muhibah KPKT sempena Sambutan Tahun Baharu Cina 2024 bertempat di pekarangan KPKT berkonsepkan 'Muhibah' pada pagi ini.

Majlis telah dihadiri oleh Menteri-Menteri Kabinet; Timbalan Menteri KPKT, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu; Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman Taib serta pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah KPKT. Majlis turut diserikan dengan kehadiran hampir 3,500 orang warga KPKT, jabatan dan agensi, pemegang taruh, rakan-rakan strategik serta pengamal media.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) berkata, "Majlis MADANI Muhibah ini diadakan bertujuan untuk meraikan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia umumnya dan warga KPKT khususnya. Sesungguhnya, ia menjadi pemangkin kepada 'pasukan' KPKT dalam memartabatkan kementerian untuk lebih progresif dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan yang berkualiti kepada rakyat. Ia meliputi empat (4) fokus utama KPKT bagi tahun 2024 iaitu Kesejahteraan Rakyat Keutamaan KPKT, Infrastruktur yang Meningkatkan Kebahagiaan Rakyat, Perancangan Bandar Lestari dan Kerajaan Tempatan Yang Responsif."

Tambah beliau, "Bagi mendepani pelbagai cabaran pada hari ini, semangat muhibah dan perpaduan dalam masyarakat merupakan tonggak kekuatan bagi sesebuah negara. Diharapkan perayaan Tahun Baharu Cina ini yang disambut dalam tahun naga yang melambangkan kekuatan, kejayaan, keluhuran dan kehormatan akan terus kekal dan utuh dalam kalangan rakyat negara ini."

Pelbagai menu variasi rakyat Malaysia berbilang kaum termasuk Sabah dan Sarawak

telah disediakan daripada 20 buah gerai makanan. Orang ramai turut disajikan dengan menu 'roti canai berapi' dan 'cendol songkok tinggi' daripada 'fire kitchen' yang dikendalikan sepenuhnya oleh anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). 'Fire kitchen' ini berfungsi sebagai dapur medan semasa bencana atau operasi yang berpanjangan untuk kebajikan para anggota bomba.

Selain itu, pelbagai jenis produk bakeri yang telah diusahakan melalui Program Pemeraksanaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) juga disajikan oleh peserta PEKB. Program PEKB di bawah KPKT telah dibangunkan khusus kepada golongan B40 di kawasan bandar bertujuan untuk meningkatkan pendapatan serta taraf hidup dan tidak lagi tergolong dalam kategori miskin bandar. Majlis turut diserikan dengan persembahan kanak-kanak daripada Taska Permata Narizan KPKT dan para anggota JBPM.

Majlis ini dianjurkan secara bersama dengan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp), SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM), Alam Flora Sdn. Bhd. dan E-Idaman Sdn. Bhd. (EISB) sebagai rakan strategik.

KPKT akan terus komited menyokong segala usaha kerajaan dalam membangunkan tanah air yang lebih mampan dan berdaya huni. Sebagai sebuah negara berbilang kaum, semangat kesatuan dalam kepelbagaian dan sikap saling menghormati sebagai norma sosial dan budaya perlu sentiasa diamalkan dalam menyuburkan sifat peduli dan kasih sayang demi kemakmuran negara.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

